



12 MAR, 2024

Rampasan RM13.4 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



KASTAM Negeri Sembilan berjaya menumpaskan dua sindiket pengedaran rokok putih dan minuman keras bernilai lebih RM13 juta di pada 26 Februari dan 1 Mac lalu.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan melakukan dua serbuan di Klang, Selangor pada 26 Februari dan 1 Mac lalu sebelum merampas rokok putih serta minuman keras yang dianggarkan bernilai RM13.4 juta.

Pengarahnya Mohamad Hafiz Ishak berkata, seramai lima lelaki termasuk tiga warga tempatan ditahan kerana disyaki terabit dengan dua sindiket berkenaan.

“Bagi kes pertama, sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasaan JKDM Negeri Sembilan menahan tiga kontena di Pelabuhan Klang Utara, Klang, pada jam 12 tengah hari, 26 Mac lalu.

“Ketiga-tiga kontena bersama dagangan disita. Hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan ke atas

Rampasan RM13.4 juta

Kastam Negeri Sembilan rampas rokok putih, minuman keras dalam dua serbuan di Klang

kontena itu, pasukan menjumpai sejumlah 97,200 tin dan 30,392 botol minuman keras pelbagai jenama dan saiz,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, semua minuman keras yang dijumpai didapati melanggar peraturan mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dibaca bersama Peraturan 30 (1) Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.

“Jumlah nilai keseluruhan minuman keras yang disita termasuk cukai adalah dianggarkan sebanyak RM3.2 juta.

“Minuman keras ini diseludup dan dipercayai dibawa masuk ke negara ini tanpa melalui prosedur pengimportan yang sah bagi tujuan penjualan di pasaran tempatan dengan harga lebih murah.

“Dua kontena dari China serta satu dari Dubai dan dipercayai akan dihantar ke negara jiran. Dua lelaki warga tempatan berusia 40-an dipercayai ejen dan pengimport ditahan,” katanya.

Bagi kes kedua, beliau berkata, pada jam 4 petang, 1 Mac lalu, dua pasukannya menahan lima kontena

dan dua lori di sebuah premis di Pandamaran, Pelabuhan Klang, Selangor kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kastam 1967.

“Hasil pemeriksaan dijalankan ke atas semua kontena dan lori itu, pasukan menjumpai sejumlah 591,000 paket rokok putih pelbagai jenama, 51,936 tin dan 5,576 botol minuman keras pelbagai jenama.

“Kesemua dagangan yang dijumpai tidak mempunyai label cukai dan disyaki barangan larangan import,” katanya.



12 MAR, 2024

Rampasan RM13.4 juta

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

S eremban Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan melakukan dua serbuan di Klang, Selangor pada 26 Februari dan 1 Mac lalu sebelum merampas rokok putih serta minuman keras yang dianggarkan bernilai RM13.4 juta.Pengarahnya Mohammad Hafiz Ishak berkata, seramai lima lelaki termasuk tiga warga tempatan ditahan kerana disyaki terbabit dengan dua sindiket b er ken a a n .